

**ILMU TASAWUF DALAM SUKATAN AKHLAK
PENDIDIKAN ISLAM. KAJIAN DI SEKOLAH
MENENGAH TERPILIH
DI TAIPING, PERAK**

FATIMAH BINTI MOHAMED

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**ILMU TASAWUF DALAM SUKATAN AKHLAK
PENDIDIKAN ISLAM. KAJIAN DI SEKOLAH
MENENGAH TERPILIH
DI TAIPING, PERAK**

oleh


FATIMAH BINTI MOHAMED

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2021

PERAKUAN PELAJAR

Saya, seperti yang bernama di bawah mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil penulisan saya sendiri dan tidak mengandungi bahan-bahan yang pernah ditulis dan diterbitkan, melainkan diberi rujukannya.

Tandatangan : 

Nama Calon : FATIMAH BINTI MOHAMED

No K/P : 630510-08-7094

Nombor Matrik : S-HD0013/17 (R)

Tarikh : 14 hb April 2021

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga saya menyempurnakan tugas bagi penulisan ilmiah ini. Sepanjang penulisan ini, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup saya sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang saya perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup saya. Justeru itu, saya juga telah memperoleh pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan pengkajian ini iaitu “Ilmu Tasawuf Dalam Sukatan Akhlak Pendidikan Islam: Kajian di Sekolah-Sekolah Terpilih”. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada penyelia utama saya iaitu, Profesor Madya Dr Muhammad Azizan bin Sabjan kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu saya dalam usaha menyempurnakan kajian yang telah diamanahkan ini. Oleh itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, saya turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.2.1 Latarbelakang Globalisasi dan Cabaran Masa Kini.....	5
1.2.2 Latar Belakang Pendidikan Islam Masa Kini	12
1.3 Pernyataan Masalah	17
1.4 Persoalan Kajian	27
1.5 Objektif Kajian.....	28
1.6 Definisi Operasional Kajian.....	28
1.7 Rasional Kajian	35
1.8 Skop / Limitasi Kajian	37
1.8.1 Limitasi Masa Kajian	38
1.8.2 Limitasi Bidang Kajian	38
1.8.3 Limitasi Lokasi Kajian.....	39
1.9 Metodologi Kajian	41
1.9.1 Metod Pengumpulan Data dan Analisis Dokumen	41
1.9.2 Metod Penganalisan Data dan Maklumat.....	44
1.9.3 Metod Temubual	47

1.10	Kajian Lepas (<i>Literature Review</i>)	49
1.11	Kesimpulan	60
BAB 2	KONSEP ILMU DAN PENDIDIKAN MENURUT ISLAM.....	62
2.1	Pengenalan	62
2.2	Konsep Ilmu Menurut Tanggapan Islam	62
2.2.1	Pengertian Ilmu	62
2.2.2	Kedudukan Ilmu Menurut Islam	66
2.2.3	Klasifikasi Ilmu.....	66
2.3	Pendidikan Menurut Perspektif Islam.....	68
2.4	Matlamat Pendidikan Hakiki	70
2.5	Pendidikan Islam Di Malaysia	71
2.5.1	Maksud Pendidikan Islam.....	71
2.5.2	Objektif Pendidikan Islam	74
2.5.3	Falsafah Pendidikan Islam	77
2.5.4	Kurikulum Pendidikan Islam	81
2.5.5	Senario Pendidikan Islam di Malaysia.....	86
2.5.6	Isu dan Cabaran Pendidikan Islam.....	87
2.5.6(a)	Pelaksanaan dan Penilaian Pendidikan Islam	88
2.5.6(b)	Aspek Guru	93
2.5.6(c)	Aspek Murid-Murid	94
2.6	Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4 Dan Tingkatan 5.....	96
2.6.1	Matlamat	96
2.6.2	Objektif	96
2.6.3	Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah	97
2.6.3(a)	Bidang Pembelajaran Tilawah al-Qur'an dan al-Hadith.....	98
2.6.3(b)	Bidang Pembelajaran 'Ulum Syar'iyah	98

2.6.3(c)	Bidang pembelajaran Adab berteraskan Akhlak Islamiah	99
2.6.4	Kandungan Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM	99
2.6.4(a)	Tilawah al-Quran	99
2.6.4(b)	Ayat Hafazan.....	100
2.6.4(c)	Al-Hadith.....	100
2.6.4(d)	Aqidah	101
2.6.4(e)	Ibadat.....	102
2.6.4(f)	Sirah Nabawiyyah dan Tamadun Islam	103
2.6.4(g)	Tokoh-tokoh Imam.....	104
2.6.4(h)	Adab dan Akhlak Islam.....	104
2.6.5	Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam	105
2.6.6	Organisasi Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran	105
2.6.6(a)	Lajur Bidang Pembelajaran.....	106
2.6.6(b)	Lajur Hasil Pembelajaran	106
2.6.6(c)	Lajur Cadangan Pengalaman Pembelajaran.....	106
2.7	Kesimpulan	109
BAB 3 PERSEPSI GURU-GURU DAN MURID-MURID TERHADAP KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM..... 111		
3.1	Pengenalan	111
3.2	Sampel Kajian	112
3.3	Instrumen Kajian.....	126
3.4	Tatacara Menganalisis Data	126
3.5	Dapatan Dan Perbincangan Data Kajian Soal Selidik Murid-Murid.....	128
3.6	Dapatan Dan Perbincangan Data Kajian Temubual Guru-Guru Pendidikan Islam.....	145
3.6.1	Analisis Dapatan Data Temubual GPI.....	145

3.6.1(a)	Skor Min dan Peratusan Kefahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam KBSM.....	148
3.6.1(b)	Skor Min Dan Peratusan Respons Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Sukatan Pelajaran Akhlak Dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM	150
3.6.1(c)	Skor Min dan Peratusan Pengetahuan dan Pemahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Ilmu Tasawuf	152
3.6.1(d)	Skor Min dan Peratusan Respon Guru-Guru Pendidikan Islam terhadap Ilmu Tasawuf Dalam Sukatan Akhlak Pendidikan Islam	153
3.7	Perbincangan Dan Implikasi Dapatan Kajian	155
3.8	Kesimpulan	164
BAB 4	TASAWUF, PERKAITANNYA DENGAN PENDIDIKAN ISLAM	165
4.1	Pengenalan	165
4.2	Pengertian Tasawuf.....	165
4.2.1	Tasawuf Menurut Etimologi	165
4.2.2	Tasawuf Menurut Terminologi	167
4.3	Tujuan Mempelajari Tasawuf	169
4.4	Ciri-Ciri Umum Ilmu Tasawuf	170
4.4.1	Tasawuf adalah dimensi ilmu yang bersifat <i>esoteric</i> daripada wahyu ke Islaman.	170
4.4.2	Tasawuf adalah ruang ilmu yang hanya boleh dicapai menerusi <i>ad-dhawq</i> dan <i>al- suluk</i>	172
4.5	Tasawuf Adalah Bidang Ilmu Yang Bersifat <i>Vertical</i> Diturunkan Oleh Allah SWT.	174
4.6	Tasawuf Adalah Pengembaraan Kerohanian Ke Jalan Kesufian Melalui <i>al-Khalwah</i>	175
4.7	Elemen-Elemen Penting Di Dalam Ilmu Tasawuf.....	177
4.7.1	<i>al- Ihsan</i>	178
4.7.2	<i>al- Khauf</i>	178

4.7.3	Redha	179
4.7.4	Sabar	181
4.7.5	<i>Tazkiyatun an- Nafs</i>	182
4.7.6	<i>Mujahadah dan Riyadhoh</i>	184
4.7.7	<i>Mahabbah</i>	186
4.7.8	<i>Zuhud</i>	188
4.8	Hubung kait Tasawuf dan Pendidikan Islam	190
4.9	Kesimpulan	196
BAB 5	IMPLEMENTASI ILMU TASAWUF DI DALAM	
	KURIKULUM AKHLAK PENDIDIKAN ISLAM DI	
	SEKOLAH MENENGAH.....	198
5.1	Pengenalan	198
5.2	Ilmu Tasawuf dan Nilai-Nilai Keinsanan	198
5.3	Konsep Pendidikan Akhlak dan Tasawuf dalam Memperkembangkan Peribadi Remaja	205
5.4	Memperkasakan Pendidikan Islam Di Malaysia.....	211
5.4.1	Kelemahan Dalam Penghayatan Ajaran Islam.....	212
5.4.2	Kesilapan Memahami Hubungan Antara Sains Dan Agama.....	212
5.4.3	Tidak Mengenal Diri.....	213
5.4.4	Tidak Jelas Berkenaan Teori Ilmu Menurut Islam.....	214
5.4.5	Keruntuhan Moral Di Kalangan Remaja	214
5.4.6	Krisis Identiti	215
5.4.7	Penglibatan Dengan Penyalahgunaan Dadah Serta Jenayah Seksual	216
5.5	Ilmu Tasawuf Dalam Kurikulum Akhlak Pendidikan Islam	217
5.6	Komponen Ilmu Tasawuf Dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah	224
5.7	Kesimpulan	229

BAB 6	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	230
6.1	Pendahuluan	230
6.2	Dapatan Kajian.....	230
6.3	Perbincangan.....	232
6.3.1	Kedudukan Ilmu Menurut Islam dan Kaitannya dengan Pendidikan Islam.....	232
6.3.2	Persepsi Guru-guru Pendidikan Islam dan Murid-Murid Terhadap Amalan Akhlak Dalam Kehidupan Sehari-hari Murid.....	233
6.3.3	Elemen-Elemen Ilmu Tasawuf Dalam Kurikulum Akhlak Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah	235
6.3.4	Cadangan Ilmu Tasawuf Dalam Kurikulum Akhlak Pendidikan Islam Sekolah Menengah	236
6.4	Kesimpulan Tesis.....	237
6.5	Saranan Dan Cadangan	240
6.5.1	Peranan Ibadat.....	240
6.5.2	Peranan Guru-guru Pendidikan Islam.....	242
6.5.3	Peranan Institusi Sekolah.....	244
6.5.4	Peranan Kementerian Pendidikan Malaysia	246
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan.....	247
	BIBLIOGRAFI	251
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1	Latarbelakang Responden 114
Jadual 2	Soal Selidik Tahap Pengetahuan dan Amalan Akhlak Murid..... 128
Jadual 3	Skor Min Kefahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam KBSM..... 148
Jadual 4	Peratusan Kefahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam KBSM..... 149
Jadual 5	Skor Min Respons Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Sukatan Pelajaran Akhlak Dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM 150
Jadual 6	Peratusan Respons Guru- Guru Pendidikan Islam Terhadap Sukatan Pelajaran Akhlak Dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM 151
Jadual 7	Skor Min Pengetahuan dan Pemahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Ilmu Tasawuf 152
Jadual 8	Peratusan Pengetahuan dan Pemahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Ilmu Tasawuf 153
Jadual 9	Skor Min Respon Guru-Guru Pendidikan Islam terhadap Ilmu Tasawuf Dalam Sukatan Akhlak Pendidikan Islam 153
Jadual 10	Peratusan Respon Guru Pendidikan Islam Terhadap Ilmu Tasawuf Dalam Sukatan Akhlak Pendidikan Islam..... 154

SENARAI SINGKATAN

AAI	Adab dan Akhlak Islam
Abd	Abdul
c.	Cetakan
Dr	Doktor Falsafah
DUN	Dewan Undangan Negeri
EPRD	Education Planning and Research Division
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GPI	Guru Pendidikan Islam
Hal	Halaman
Hj	Haji
Ibid	Ibidem (Rujukan pada tempat yang sama)
ICT	Information Communication Technology
IQ	Kecerdasan Intelek
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LMS	Larut Matang dan Selama
MTI	Maahad Tarbiah al Islamiah
No	Nombor
Op.cit	Opera Citato (in the work cited/ dalam karya yang dirujuk)
PAFA	Perkara Asas Fardu Ain

PAI	Pendidikan Agama Islam
PI	Pendidikan Islam
PdPc	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Kaedah Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
Prof.	Profesor
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAW	<i>Sallallah 'alaihi wa sallam</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMTDI	Sekolah Menengah Agama Taman Didikan Islam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SWT	<i>Subhanahu wa ta'ala</i>
t.c	Tanpa Cetak
t.p	tanpa penerbit
t.t	Tanpa Tarikh
t.t.p	tanpa tempat penerbitan
TKM	Teknologi Komunikasi Maklumat
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Soalan Temubual Guru Pendidikan Islam
- Lampiran B Permohonan Kelulusan Mengedar Borang Soal Selidik

ILMU TASAWUF DALAM SUKATAN AKHLAK PENDIDIKAN ISLAM.

KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH TERPILIH

DI TAIPING, PERAK

ABSTRAK

Globalisasi membuatkan masyarakat memiliki sikap hidup materialistik, hedonistik dan totalitaristik dan hanya percaya kepada unsur-unsur pengetahuan empirikal semata-mata. Dengan sikap hidup sebegini ternyata umat Islam telah mencetuskan penyimpangan-penyimpangan dalam hidup. Penyimpangan inilah yang merosakkan akhlak dan akidah seseorang sehingga akan menjauhkan seseorang daripada Allah SWT. Untuk menghadapi era globalisasi yang memunculkan berbagai penyimpangan itu, maka sangat perlu dilakukan implimentasi nilai-nilai tasawuf dalam Pendidikan Islam. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui perkara-perkara berikut iaitu : (i) mengkaji kedudukan ilmu menurut Islam dan perkaitannya dengan Pendidikan Islam di Malaysia (ii) mengkaji persepsi guru-guru dan murid-murid terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam KBSM di sekolah menengah (iii) mengenalpasti elemen-elemen tasawuf untuk dijadikan sub bidang akhlak Pendidikan Islam di sekolah menengah (iv) memberi cadangan supaya ilmu tasawuf dijadikan sub bidang sukatan pelajaran akhlak di dalam kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah di Taiping yang melibatkan sekolah berasrama penuh. Jumlah bilangan responden kajian ini ialah seramai 932 orang yang terdiri daripada murid-murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan 6 orang guru Pendidikan Islam. Instrumen utama kajian ini menggunakan soal selidik. Instrumen soal selidik untuk murid mengandungi 10 soalan dan soalan temubual untuk guru adalah bagi mengkaji

persepsi mereka terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam semasa (sukatan KBSM) di sekolah menengah, menilai penghayatan murid terhadap adab dan akhlak hidup Muslim dalam kehidupan seharian dan pandangan guru-guru terhadap cadangan menjadikan ilmu tasawuf sebagai sub bidang akhlak dalam kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah. Data yang diperolehi daripada soal selidik, dan temubual diproses dan dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS Versi 10.0. Hasil soal selidik ini mendapati tahap pengetahuan murid-murid dalam memahami ilmu akhlak adalah tinggi. Begitu juga dengan sikap terhadap akhlak. Namun agak rendah untuk tahap amalan akhlak di kalangan mereka. Sebagai kesimpulan, nilai-nilai yang terdapat di dalam ilmu tasawuf sangat perlu diimplimentasikan sebagai sub bidang akhlak dalam kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah bagi membentuk generasi yang memiliki ilmu yang tinggi serta akhlak mulia.

**TASAWUF KNOWLEDGE IN THE MORALITY OF ISLAMIC
EDUCATION. STUDIES IN SELECTED SECONDARY SCHOOLS AT
TAIPING, PERAK**

ABSTRACT

Globalization makes society have a materialistic, hedonistic and totalitarianistic attitude of life and believes only in the elements of empirical knowledge alone. With this attitude of life, it turns out that Muslims have triggered deviations in life. It is this deviation that damages one's morals and beliefs so that it will distance a person from Allah SWT. To face the era of globalization that gives rise to various deviations, it is very necessary to implement the values of Sufism in Islamic Education. The purpose of this study is to find out the following: (i) to study the position of knowledge according to Islam and its relationship with Islamic Education in Malaysia (ii) to study the perception of teachers and students on the implementation of KBSM Islamic Education curriculum in secondary schools (iii) identify the elements of Sufism to be used as a sub-field of Islamic Education morality in secondary schools (iv) suggest that Sufism be used as a sub-field of moral syllabus in the Islamic Education curriculum in secondary schools. This study was conducted in two secondary schools in Taiping involving full boarding schools. This study was carried out in the boarding schools located in the district of Taiping. The total number of respondents for this study is a total of 932 students consisting of form 1 to form 5 students and 6 Islamic Education teachers. The main instrument of this study used a questionnaire. The questionnaire instrument for students contains 10 questions and questions for teachers is to study their perception of the implementation of the current Islamic Education curriculum (KBSM syllabus) in

secondary schools, assess students 'appreciation of Muslim manners and morals in daily life and teachers' views on proposal to make Sufism as a sub-field of morality in the curriculum of Islamic Education in secondary schools. Data obtained from questionnaires, processed and analyzed using SPSS Version 10.0 package. The results of this questionnaire found that the level of knowledge of students in understanding moral knowledge is high. The same goes for attitudes towards morality. Yet relatively low for the level of moral practice among them. In conclusion, the values found in Sufism need to be implemented as a sub-field of morality in the curriculum of Islamic Education in secondary schools to form a generation that has high knowledge and noble morals.

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini merupakan bab permulaan kepada kajian ini. Dalam bab ini mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, definisi operasional kajian, objektif kajian, rasional kajian, skop kajian, metodologi kajian dan kajian lepas (literature review).

1.1 Pengenalan

Islam amat menitikberatkan pendidikan akhlak sejak di bangku persekolahan. Di dalam al Quran, terkandung banyak ayat-ayat yang menceritakan hal-hal yang berkaitan dengan nilai-nilai akhlak murni Islam. Terdapat banyak ayat-ayat yang berunsur perintah dan larangan daripada Allah SWT kepada umat Islam agar sentiasa berakhlak mulia dan dorongan memperbaiki akhlak diri dengan melakukan amalan-amalan mulia dan meninggalkan perbuatan-perbuatan keji. Allah SWT juga sentiasa memuji perilaku insan yang berakhlak mulia. Rasulullah SAW sering disebut sebagai seorang yang berakhlak mulia dan menjadi contoh kepada sekalian manusia. Akhlak Rasulullah SAW adalah akhlak terpuji dan dikatakan sebagai akhlak al Qur'an. Di samping itu, terdapat juga ayat-ayat yang menjanjikan ganjaran pahala dan syurga kepada golongan umat Islam yang berakhlak mulia. Secara amnya, umat Islam sentiasa diseru supaya berbuat baik antara satu sama lain agar wujud hubungan yang sesama insan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Isra' ayat 53 :

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزَغُ
بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا

“Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku: Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia”.

Penekanan kepada pendidikan akhlak di peringkat sekolah telah disalurkan menerusi Kurikulum Pendidikan Islam (PAI). Namun begitu, wujud beberapa kelemahan yang telah pun dikenal pasti oleh pihak-pihak yang terlibat dalam proses pemantauan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Di antara kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti oleh pihak terbabit ialah berkaitan dengan keberkesanan matapelajaran Pendidikan Islam terutama dari sudut pembinaan akhlak serta adab dan tingkah laku seharian murid-murid sama ada semasa mereka berada di rumah ataupun di sekolah. (Ibrahim Bajunid ,2003).

Permasalahan akhlak yang wujud di kalangan murid-murid, sama ada berbentuk akhlak luaran mahu pun akhlak dalaman yang melibatkan hubungan dengan Allah SWT seringkali juga dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan Negara. Dalam hal tersebut, Ab. Halim Dan Khadijah (2003) pernah menyatakan bahawa masalah keruntuhan akidah dan sosial remaja seperti gejala murtad, zina, rogol, serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan ibadat sebagai seorang Muslim telah menimbulkan pelbagai persepsi di kalangan masyarakat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam.

Seiring dengan persepsi tersebut, beberapa kajian telah mendedahkan ketidakupayaan guru-guru Pendidikan Islam dalam membentuk diri mereka sebagai pembimbing dan role model kepada murid-murid dalam memahami isi kandungan Kurikulum Pendidikan Islam sehingga mampu dihayati oleh murid-murid sebagai amalan hidup seharian. (Airil 2003, Mohd Najib 2003, Masribanun 2004, Abd Halim 2004, dan Zahariah 2005). Ketidakupayaan guru untuk membimbing murid-murid dengan cara yang terbaik berkemungkinan juga disebabkan kandungan kurikulum Pendidikan Islam sedia ada yang kurang membantu murid-murid untuk menghayati akhlak mulia. Ekoran itu, pengkaji-pengkaji seperti Airil (2003), Masribanun (2004) dan Abdul Halim (2004) mencadangkan penekanan kepada kandungan kurikulum yang terbaik dapat dilaksanakan bagi membantu murid-murid agar menghayati Pendidikan Islam sebagai satu cara hidup serta melaksanakan akhlak mulia ke arah kemanusiaan sejagat. (Mohd Najib, 2003).

Dalam usaha untuk menangani permasalahan ini, maka pada tahun 1998, pihak Penggubal Kurikulum di Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah menggubal semula Kurikulum Pendidikan Islam dengan memperkenalkan sub bidang Pendidikan Akhlak Islamiah (PAI) sebagai penambahbaikan kepada sub bidang yang telah sedia ada di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam. (Ibrahim Bajunid ,2003).

Pada tahun 2003, Kurikulum Pendidikan Islam telah disemak semula oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Tindakan ini dilakukan oleh pihak Penggubal Kurikulum Pendidikan Islam di KPM atas alasan komponen Pendidikan Akhlak Islamiah (PAI) yang dilaksana di sekolah kurang memberi kesan kepada tingkah laku murid-murid di sekolah.

Meskipun komponen PAI telah dilaksanakan di sekolah-sekolah hampir menjangkau tiga tahun iaitu bermula tahun 1998 hingga tahun 2000, namun keberkesannya dalam membentuk sahsiah mulia murid-murid kurang ketara. Menurut pandangan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi temubual pada Mei 2001 melalui Rancangan Bual Bicara Siswa menyatakan bahawa kurikulum PAI khususnya komponen pendidikan akhlak adalah kurang berkesan. Beliau juga menyuarakan rasa tidak berpuas hati terhadap isu akhlak remaja kerana isu keruntuhan akhlak banyak melibatkan remaja yang masih di bangku persekolahan yang beragama Islam. Impak daripada luahan tersebut, maka sukatan pelajaran pendidikan akhlak di sekolah telah disemak semula, digubal dan mengalami perubahan ketara dari sudut sukatan pelajaran dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Penjenamaan baru turut dilakukan terhadap matapelajaran ini iaitu PAI ditukarkan namanya kepada Adab dan Akhlak Islamiah (AAI) di dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM . Proses pelaksanaan AAI telah dilakukan bermula pada tahun 2003 secara berperingkat-peringkat, yang dimulai dengan tingkatan satu dan tingkatan empat di sekolah-sekolah di Malaysia. (Habib, 2008)

Meskipun pembelajaran AAI dilaksana dengan pendekatan yang terancang, tersusun dan sistematik di peringkat sekolah, namun masih terdapat juga suara-suara sumbang yang tidak berpuas hati dengan isu yang sama iaitu masalah keruntuhan akhlak remaja dan salah laku disiplin khususnya murid-murid sekolah. Isu ini masih menjadi isu yang kerap dibincangkan terutama dari sudut pembentukan akhlak murni murid-murid di sekolah menengah oleh pelbagai lapisan masyarakat. (Habib: 2008).

Justeru, kajian Ilmu Tasawuf Dalam Sukatan Akhlak Pendidikan Islam Sekolah Menengah adalah bertepatan sekali sebagai satu daripada usaha untuk menangani permasalahan akhlak di kalangan murid-murid di sekolah menengah. Nilai-nilai murni yang terkandung di dalam ilmu tasawuf seperti taubat, redha, ikhlas, zuhud, syukur, taqwa, mahabbah dan sebagainya mampu untuk mendidik rohani murid-murid bagi mengenali diri sendiri, melalui proses mendekati hati kepada Allah SWT. Kesedaran sendiri terhadap tanggungjawab memelihara hubungan diri dengan Allah SWT, Rasulullah SAW, diri sendiri, dan makhluk lain pasti akan mencapai tahap kesempurnaan akhlak diri serta mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Latarbelakang Globalisasi dan Cabaran Masa Kini

Globalisasi ialah proses menyingkirkan batasan ataupun sekatan kerajaan mengenai pergerakan antara negara supaya mewujudkan satu ekonomi dunia yang terbuka dan tanpa sempadan (Scholte, 2000). Menurut Hussein Ahmad (2001), era globalisasi telah meletakkan Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dari segi pembentukan akhlak. Justeru beliau membuat saranan supaya dipertingkatkan lagi usaha-usaha untuk memberi didikan yang sempurna kepada golongan muda khususnya ke arah mengembangkan potensi sumber manusia agar membolehkan mereka memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan Negara dan juga perkembangan diri individu itu sendiri.

Habib Mat Som (2008), menyatakan bahawa semua aktiviti pembelajaran yang diikuti di sekolah pada masa kini adalah bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan, membekalkan kemahiran-kemahiran dan tahap kecekapan setiap murid atau perspektif yang ada hubungkait dengan pekerjaan mereka pada masa depan.

Namun begitu, keperluan bidang pendidikan bukan hanya setakat membekalkan murid-murid dengan ilmu berbentuk kebendaan semata-mata, malahan jauh lebih daripada itu. Keperluan pendidikan kini adalah lebih mencabar yang mana ianya lebih mengutamakan perkembangan yang bersifat menyeluruh serta bersepadu. Institusi pendidikan era kini bertanggungjawab untuk membina sebuah masyarakat yang berilmu, berdisiplin, bersatu padu, serta berakhlak mulia, yang berpandukan kepada hasrat untuk mencapai kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Ekoran itu, Sistem Pendidikan Negara telah dibentuk dengan tersusun dan teratur bagi mencapai matlamat pendidikan hakiki. Matlamat pendidikan di Malaysia adalah menjurus kepada untuk melahirkan individu yang berilmu, berpengetahuan, berkemahiran, berfikiran kreatif dan inovatif, penyayang, taat agama dan berakhlak mulia selaras dengan tuntutan dan cabaran masa kini dan abad-abad akan datang (PPK 1997).

Malangnya usaha murni pihak KPM untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) seakan mulai tergugat kerana arus kemajuan dunia sains dan teknologi. Kemasukan data, imej dan informasi yang tidak terkawal kini telah menimbulkan satu percanggahan dari segi implikasinya kepada FPN. Banyak pendapat dan kajian yang dikemukakan telah menyatakan bahawa perlakuan demi perlakuan jenayah yang berlaku di kalangan

murid-murid sekolah sama ada isu berhubung dengan penyalahgunaan dadah, seksual atau kekerasan adalah berhubungkait dengan pengaruh globalisasi kini terutamanya pengaruh ICT (Harian Metro 2015).

Keruntuhan akhlak di kalangan remaja khususnya yang melibatkan murid-murid di sekolah dengan kewujudan kumpulan-kumpulan samseng di sekolah seperti yang dilaporkan oleh pihak KPM amat menyedihkan. Pada 16 oktober 2015, seorang guru disiplin dari Sibu, Sarawak telah ditumbuk sehingga lebam, ditendang di bahagian perut dan dimaki hamun oleh sekumpulan murid-murid tingkatan lima kerana tidak berpuas hati apabila guru tersebut telah menegur disiplin rakan mereka di tapak perhimpunan sekolah (Bernama, 17 oktober 2015).

Seorang guru perempuan dari Lahad Datu, Sabah juga menerima nasib malang kerana terpaksa menjalani 17 jahitan di kepalanya kerana cedera teruk akibat dihentak dengan batu oleh seorang murid lelaki berumur 13 tahun. Kejadian yang berlaku pada 17 september 2017 tersebut berpunca dari cubaan mencuri beg tangan guru berkenaan oleh muridnya ketika beliau sedang menunaikan solat zohor. (Berita Harian, 20 september, 2017).

Kes-kes jenayah berat seperti membunuh juga menampakkan bahawa permasalahan keruntuhan akhlak yang berlaku di kalangan remaja sekolah amat membimbangkan. Seorang remaja perempuan berumur 14 tahun telah membunuh abangnya sendiri di Taman Glenview, Taiping Perak. Mangsa terbunuh dengan kesan kelar leher dan tangan. Pihak akhbar melaporkan bahawa kes pembunuhan itu berpunca daripada pergaduhan antara mereka berdua beradik. (Berita Harian, 8 Julai 2019). Kes yang menyayat hati masyarakat Islam seluruh Negara ialah apabila

seorang murid Maahad Tahfiz, iaitu Mohammad Amin b Nurul Amin meninggal dunia dengan kesan lebam di seluruh badannya. Ekoran itu, tiga orang remaja telah di tahan reman oleh pihak polis untuk disoal siasat berkaitan kejadian tersebut (Bernama, 9 November, 2019).

Perlakuan-perlakuan ganas dan kejam yang telah dilaporkan oleh pihak media massa sama ada media cetak ataupun media letronik yang melibatkan murid-murid di bangku persekolahan, menunjukkan dengan jelas betapa jiwa remaja masih kosong dengan nilai-nilai keinsanan sepertimana yang dikehendaki diajar dalam matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Nilai-nilai spiritual (roh keinsanan), contohnya nilai kasih sayang dan nilai hormat-menghormati di antara satu sama lain di dalam masyarakat diketepikan terus dalam kehidupan. (Alizah Sha'ri, 2015)

Kajian yang telah dilakukan oleh seorang pengkaji dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia pada tahun 2015 terhadap 5,860 orang belia berusia 13 tahun hingga 20 tahun mendapati 28% murid-murid sekolah pernah melakukan hubungan seks sebelum nikah, 40% pernah menonton video lucu, 28% pernah terlibat dengan judi dan 25% pernah melibatkan diri dalam arak dan dadah (Noor Azilawati, 2017).

Isu-isu berkaitan perlakuan negatif murid-murid sekolah semakin membimbangkan di kalangan masyarakat awam. Hasrat untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan individu murid yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sedang menghadapi ujian dari segi keberkesanan pelaksanaannya, kerana masyarakat masa kini sedang berhadapan dengan arus globalisasi yang bersama-samanya membawa masuk pelbagai budaya

yang amat bertentangan dengan budaya setempat, lebih-lebih lagi dengan akhlak Islam. Proses globalisasi yang melanda dunia telah membawa perubahan mendadak kepada perlakuan hidup dan norma kehidupan manusia. (Hussein Ahmad, 2001).

Menurut Habib Mat Som & Megat (2008), fenomena yang berlaku secara tidak sedar hasil dari globalisasi adalah remaja tidak merasa bersalah untuk meniru secara melulu gaya kehidupan masyarakat Barat seperti kehidupan berfoya-foya dan berseronok tanpa batasan, pergaulan bebas, penganjuran majlis-majlis sosial yang melampaui batas, penonjolan fesyen pakaian ala Barat yang keterlaluan dan sebagainya. Justeru, sekolah menghadapi cabaran yang besar yang perlu dilaksanakan secara kolektif dalam pembentukan jati diri murid-murid di sekolah terutamanya dari segi untuk menerapkan nilai kerohanian melalui tiga perkara yang perlu dilakukan secara serentak iaitu pengisian rohani, pengisian akal dan pengisian jasmani. (Habib & Megat, 2008).

Cabaran untuk mengisi kerohanian dalam diri insan perlulah berlandaskan kepada sumber yang berautoriti yang merujuk kepada sumber keTuhanan dan Nubuwwah. Oleh itu, dalam membentuk jati diri murid-murid di sekolah, maka pendidikan yang berunsur keTuhanan dan Nubuwwah (ilmu Tasawuf) perlulah dikaji dan dirangka dengan bersistematik untuk dijadikan wadah penting dalam menjana anjakan paradigma ke arah melahirkan modal insan dinamik, cemerlang dan berakhlak mulia. (Habib & Megat, 2008).

Guru merupakan agen penting dalam menyebarkan ilmu dan kemahiran kognitif di sekolah ke arah melahirkan murid-murid yang bersahsiah mulia dan berkecakupan tinggi selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara. Justeru

itu, penulis memberikan juga fokus kepada guru-guru Pendidikan Islam di sekolah dalam kajian ini bagi mengkaji persepsi mereka terhadap pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam semasa (KBSM)., terutama dari sudut perubahan tingkahlaku murid-murid. Dalam konteks ini, ilmu tasawuf amat penting dititikberatkan untuk dijadikan sub bidang sukatan pelajaran akhlak di dalam Kurikulum Pendidikan Islam, bagi melahirkan jati diri untuk menghadapi tekanan dari cabaran globalisasi, disamping berupaya menangkis cabaran-cabaran yang menggugat nilai keinsanan sama ada dari sudut fizikal, mental, emosi dan spiritual.

Nilai-nilai murni di dalam ilmu tasawuf patut dijadikan pedoman agar penguasaan ilmu adab dan akhlak Islam akan memberi natijah bagi kehidupan di dunia dan di akhirat. (Habib & Megat, 2008).

Dalam era globalisasi, penggunaan Teknologi Komunikasi Maklumat (TKM) di dalam PdPc adalah fenomena biasa di kebanyakan sekolah, terutama di sekolah-sekolah kategori berprestasi tinggi dan sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Bestari ataupun Sekolah Kluster Kecemerlangan. Penggunaan laman-laman media letronik sentiasa digunakan oleh murid-murid di sekolah-sekolah ini dalam semua matapelajaran yang dipelajari oleh mereka. *Frog Vle, Google Drive, Kahoot, Bestari Nett* dan sebagainya adalah merupakan laman-laman web yang menjadi kaedah dalam pengajaran-pembelajaran yang bukan lagi asing bagi mereka. Aplikasi kaedah pengajaran-pembelajaran berasaskan ICT sudah menjadi satu keperluan penting kepada murid-murid di sekolah pada masa kini. Pendedahan maklumat sama ada yang berbentuk baik ataupun buruk dari segi nilai akhlak Islam berada di hujung jari mereka dan bebas dicapai pada bila-bila masa diperlukan. (Nazira, 2017).

Penulis turut memberi fokus dalam kajian ini kepada penggunaan teknologi maklumat di dalam PdPc di sekolah, adalah bagi menilai keberkesannya dalam mempengaruhi tingkahlaku murid-murid. Ini adalah disebabkan isu keruntuhan akhlak di kalangan murid-murid sekolah sering dikaitkan dengan pengaruh media letronik terutama alat-alat peranti seperti telefon bimbit, komputer dan internet. Matapelajaran Adab dan Akhlak Islam yang diajar di dalam kelas dianggap terlalu umum dan dilihat hanya mampu membentuk akhlak luaran semata-mata sepertimana matapelajaran Pendidikan Moral yang diajar kepada murid-murid Non Muslim di sekolah. (Langgulung, 2004).

Merujuk kepada isi kandungan Sukatan Pelajaran bagi Matapelajaran Pendidikan Islam KBSM di sekolah menengah, untuk murid-murid di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima mendapati hanya bidang ilmu Tauhid Ilmu Fekah, Akhlak Islam, Sirah dan Tokoh-tokoh Islam sahaja dijadikan sebagai sub bidang pembelajaran matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah, selain daripada al- Qur'an dan al-Hadith. Manakala Ilmu Tasawuf tidak diletakkan sebagai sub bidang matapelajaran dalam kurikulum tersebut. Ini menampakkan bahawa Ilmu Tasawuf seolah-olah telah dipinggirkan daripada Kurikulum Pendidikan Islam. Peminggiran ini menjadi bukti bahawa antara kepincangan akhlak murid-murid masa kini boleh dikaitkan dengan faktor kekurangan ilmu kerohanian (ilmu tasawuf) di dalam diri mereka, yang menjadi intipati pembinaan akhlak di dalam Islam sepertimana yang telah diungkapkan oleh Imam Malik RA. Menurut Imam Malik , seseorang Muslim itu wajib mempelajari ilmu Tauhid, Ilmu Fekah dan Ilmu Tasawuf agar mereka tidak menjadi *zindiq* (Ilyas, 2012).

Elemen-elemen nilai yang terdapat di dalam bidang ilmu tasawuf tidak dapat dinafikan lagi adalah merupakan satu bidang ilmu yang dapat melenturkan hati sanubari insan menuju ke arah mendekati Allah SWT, sehingga mampu membentuk diri menjadi insan yang baik dan berakhlak mulia. (Nazira, 2017).

Justeru itu, Kajian Ilmu Tasawuf Dalam Sub Bidang Akhlak Pendidikan Islam Sekolah Menengah perlulah diketengahkan agar ianya dapat membantu usaha-usaha pihak KPM untuk membentuk insan yang baik dan berakhlak mulia melalui proses pendidikan dapat direalisasikan.

1.2.2 Latar Belakang Pendidikan Islam Masa Kini

Pendidikan Islam adalah bertujuan untuk membina warganegara Muslim yang baik, bertaqwa, berakhlak mulia serta sihat jasmaninya, berilmu pengetahuan serta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang tersendiri supaya dapat bertanggungjawab terhadap diri, agama, keluarga, bangsa dan masyarakat dengan penuh kesedaran dan keinsafan bagi mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan di akhirat. Dalam erti kata lain, Pendidikan Islam adalah merupakan suatu latihan atau bimbingan kepada jasmani, rohani, akal, akhlak, perasaan dan sosial yang berpandukan kepada bidang ilmu pengetahuan dengan matlamat akhirnya untuk melahirkan manusia yang sempurna dalam pelbagai aspek kehidupan bagi mengabdikan diri kepada Allah SWT (Abdullah Ishak, 1995). Pernyataan ini bersesuaian dengan firman Allah SWT :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

MaksudNya : *Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.*(Surah al- Zariyat : 67)

Pendidikan di Malaysia pada era kini haruslah sentiasa bergerak seiring dengan semangat dan aspirasi negara bagi mencapai taraf negara maju yang berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Negara serta sembilan cabaran strategik di dalam agenda Wawasan 2020 seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun memperjelaskan hala tuju pendidikan masa kini dan masa hadapan melalui pernyataan misi KPM yang telah dimantapkan pada tahun 1995 seperti berikut:

“Membangun sistem pendidikan bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia”.

Justeru itu, misi pendidikan kini, terutama Pendidikan Islam dalam era globalisasi masa kini mestilah berupaya untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia, penuh dengan nilai-nilai murni diri yang teguh dan sempurna, bukan hanya dari aspek akademik semata-mata, malahan mempunyai kemampuan intelektual dan spiritual yang tinggi untuk menangani cabaran masa depan. Peranan ini perlulah dimainkan oleh pihak penggubal kurikulum di Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjadi peneraju utama dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam menggubal semua kurikulum matapelajaran sekolah termasuklah Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia. (Maimun Aqsha, 2015)

Keupayaan sistem Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia dalam menyahuti cabaran 2020 dan juga untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai keagamaan yang tinggi dan kerohanian yang utuh ini bukanlah sesuatu yang

mudah. Dalam usaha ke arah melahirkan seorang insan yang kamil hendaklah bermula daripada awal lagi iaitu sewaktu di dalam alam rahim dan kemudian diasuh dan dididik dengan nilai-nilai agama yang murni apabila mereka dilahirkan ke dunia, dan seterusnya membesar sebagai manusia yang hidup seiring dengan perkembangan usia. Bagi menyahut hasrat ini, wujud persoalan adakah Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah mampu melentur insan agar selari dengan kehendak FPN bagi menyahut cabaran era 2020?, iaitu untuk membentuk golongan Muslim yang mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang mantap dan kukuh. Persoalan ini harus dinilai dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak penggubal Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah bagi memperkemaskan lagi hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara iaitu “ ke arah memperkasakan Pendidikan Islam.” (Maimun Aqsha, 2015)

Pendidikan Islam telah menggarap empat bidang utama dalam proses mendidik seseorang insan iaitu pendidikan jiwa, pembersihan rohani, pembentukan akal fikiran yang sihat dan kecergasan tubuh badan. Oleh itu, Kurikulum Pendidikan Islam kini seharusnya mesti menumpukan kekuatan pendidikannya terhadap keempat-empat unsur ini dalam diri manusia yang dididik. Matlamat Pendidikan Islam mestilah berlandaskan kepada tujuan melahirkan manusia yang bertaqwa, melahirkan *ta'abbudi* dengan mencari keredhaan Allah, melahirkan manusia yang bercita-cita tinggi dengan menjadikan *al-Falah* sebagai tujuan hidup dan seterusnya membentuk individu yang beriman, berakhlak tinggi, berpengetahuan serta beramal soleh. (Muhammad Qutb, 1987).

Di antara tujuan Pendidikan Islam ialah menyiapkan dan melengkapkan generasi muda untuk menjalankan peranan mereka di dunia dan di akhirat. Pendidikan Islam dapat menumbuhkan rasa rela, optimis, kepercayaan diri, memikul tanggungjawab, menghormati tugas, kerjasama atas tugas dan taqwa, kasih sayang, kesabaran, suka berkorban dan sebagainya. Melalui Pendidikan Islam manusia dapat membersihkan hati daripada sifat hasad dengki, penyelewengan, kebencian, kekasaran dan pelbagai sifat negatif dalam diri yang mesti dijauhi. Individu yang mempelajari matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah diharap akan mampu menanamkan rasa keimanan yang teguh kepada Allah SWT di dalam diri dan jiwa mereka kerana melalui matapelajaran pendidikan Islam proses peradaban insan dapat dilaksanakan. (Habib, 2015).

Jacques Maritain (1882-1973) iaitu ahli falsafah peradaban Barat dari Perancis menyatakan bahawa pengaruh materialisme, pragmatisme dan fahaman sains, menyebabkan nilai moral dan rasional manusia menjadi semakin merosot. Oleh itu, tugas utama proses pendidikan ialah menjuruskan kepada mendisiplinkan mental dan jiwa murid-murid di samping mengembangkan potensi akal menaakul. Kesimpulannya, tugas mendidik yang sebenarnya adalah ke arah memupuk kelakuan moral, menguasai alat pembelajaran, melatih murid-murid dalam menguasai kemahiran 3M iaitu menulis, membaca dan mengira serta mengingat petikan dari karya-karya agung sebagai asas kehidupan yang rasional dan matang pada masa depan. (Hamizah, 2012).

John Dewey (1859-1952) turut menyatakan bahawa ilmu pengetahuan dapat diperolehi dengan cara perhubungan manusia dan alam sekitar. Beliau berpendapat bahawa cara yang paling berkesan untuk memperolehi ilmu pengetahuan adalah

menggunakan kaedah penyelesaian masalah. Usaha untuk menyelesaikan masalah dilahir daripada keperluan dan minat seseorang. Dalam konteks pendidikan, beliau berpendapat bahawa pendidikan akan menjadi bermakna, lebih mudah dan menarik untuk dipelajari dan dihayati jika pembelajaran itu dirangka atau dirancang mengikut keperluan dan minat murid-murid. Sehubungan itu, perkara-perkara yang hendak disampaikan melalui kurikulum pendidikan patutlah dirangka dan disusun mengikut minat, pengalaman dan kebolehan murid-murid di sekolah. (Maimun Aqsha, 2015).

Kurikulum Pendidikan Barat berpegang kepada empat unsur iaitu kecergasan jasmani, kestabilan emosi, kekuatan rohani dan kecerdasan intelek dalam membangun diri manusia, tetapi mereka menyatakan bahawa unsur-unsur ini boleh terpisah antara satu sama lain dan beranggapan manusia boleh menjadi hebat hanya dengan satu unsur sahaja mengikut budaya hidup semasa manusia. Ini berbeza dengan Pendidikan Islam, iaitu kekuatan Pendidikan Islam adalah seimbang terhadap ke empat-empat unsur tersebut dan mestilah diberikan penekanan sewajarnya dalam proses mendidik manusia. (Hamizah, 2012).

Falsafah Pendidikan Islam adalah menekankan kepada matlamat yang ingin dicapai, iaitu untuk kesejahteraan di dunia dan di akhirat . Pastinya ia berasaskan kepada keimanan yang mantap kepada Allah SWT. Namun dari sudut realitinya matlamat yang ingin dicapai pasti akan menghadapi cabaran hebat khususnya dalam era globalisasi. Masalah-masalah sosial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, penyalahgunaan dadah , pembunuhan dan sebagainya menjadi cabaran dalam proses mendidik insan. Berhadapan dengan pelbagai situasi yang sentiasa berubah, secara tidak langsung ianya turut memaksa sistem pembelajaran Pendidikan Islam untuk turut berhadapan dengan pelbagai cabaran. Justeru untuk berhadapan dengan

cabaran ini, maka generasi muda masa kini amat memerlukan jati diri serta akidah yang mantap, dan iman yang kukuh agar mereka mampu menangkis apa sahaja yang tercetus hasil daripada globalisasi. (Habib, 2002)

Dalam konteks ini ilmu tasawuf adalah pilihan terbaik untuk diketengahkan bagi memupuk nilai kecintaan dan *taqarrub* diri dengan Allah. Pihak penggubal Kurikulum Pendidikan Islam perlu memandang ke hadapan dalam menggubal Kurikulum Pendidikan Islam abad ini agar ianya tidak mengeneipkan ilmu yang berbentuk *ruhiyyah* seperti ilmu tasawuf, kerana elemen-elemen yang terkandung di dalam ilmu tasawuf mampu untuk membentuk insan mencapai kesempurnaan di dunia dan di akhirat.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah keruntuhan akhlak dan juga gejala sosial di kalangan generasi muda kini menjadi satu isu yang kerap dibincangkan oleh para pendidik, pemimpin dan masyarakat awam. Mohd Rosdi Mohamad (2009) menyatakan di dalam tulisannya yang bertajuk "*Matapelajaran Pendidikan Islam dan Kesannya terhadap Peningkatan Disiplin Pelajar*" bahawa penglibatan remaja Islam dengan najis dadah, merokok, pergaulan bebas, zina dan sebagainya adalah berpunca daripada perasaan ingin mencuba, meniru rakan-rakan sebaya ataupun meniru perbuatan di dalam filem ataupun drama-drama TV. Situasi ini boleh dielakkan jika remaja tersebut mempunyai jati diri yang mantap dan mengetahui kewajipannya serta perkara-perkara yang perlu dijauhi dari hidupnya. (Mohd Rosdi, 2009).

Menurut beliau lagi, kefahaman agama yang kabur merupakan punca utama terjebaknya manusia ke lembah maksiat dan melakukan perkara-perkara keji dan mungkar. Demikian juga ikutan terhadap tuntutan hawa nafsu menyebabkan manusia menjadi lupa diri dan tanggungjawab sebagai hamba Allah, khalifah dan umarak untuk mengimarahkan muka bumi dengan amalan yang baik dan terpuji. Perubahan sikap murid-murid begitu terserlah ketika mereka berada dalam lingkungan umur 14 tahun ke atas. Pada ketika ini kebanyakan murid-murid di sekolah akan mula bertindak liar dan berani melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan garis panduan yang ditetapkan di dalam Islam. Pendidikan Islam yang diajar di dalam kelas seakan tidak mampu lagi untuk mempengaruhi tindakan dan tingkahlaku mereka di sekolah. (Mohd Rosdi, 2009).

Menurut Mohd Rosdi (2009), matapelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari di dalam kelas lebih menumpukan kepada pencapaian peratus lulus yang tinggi dan skor A+ di dalam setiap kali peperiksaan dan pentaksiran dijalankan di sekolah. Kesannya murid-murid akan lebih menumpukan perhatian mereka kepada mencapai kejayaan cemerlang di dalam peperiksaan semata-mata. Impaknya segelintir murid-murid yang gagal mencapai kecemerlangan di dalam setiap kali ujian ataupun peperiksaan dan pentaksiran akan merasa kecewa dan mereka akan mula mencari jalan keluar daripada tekanan, kekusutan dan kekecewaan hidup melalui jalan hidup yang negatif yang menyimpang daripada cara hidup Islam sebenar. Malahan mereka akan mula hanyut dalam arus pemodenan yang bersifat negatif. Implikasi dari fenomena ini juga akan menyebabkan remaja ini akan mudah terjerumus ke lembah jenayah yang lebih membahayakan seperti merokok, penyalahgunaan dadah, vandalisme dan gangsterisme.

Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan statistik yang dikemukakan dalam kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan pada tahun 2014 iaitu, 9.8% remaja merokok dan kadar itu meningkat kepada 18% pada tahun 2015. Mengikut statistik yang diperolehi di The Tobacco Atlas pada tahun yang sama (2015) mencatatkan bahawa 36.3% remaja lelaki dan 4.2% remaja perempuan Malaysia berusia antara 13 hingga 15 tahun terlibat dengan kes merokok dan menghidu gam. (The Tobacco Atlas, 2015).

Berkaitan isu jenayah, statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes telah dicatatkan pada tahun 2014 berbanding hanya 3,700 pada tahun 2013 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes. Malahan angka bagi kes kegiatan jenayah berat yang melibatkan golongan remaja telah mencatatkan peningkatan ketara sehingga 13.7% pada tahun 2017 kepada 2,011 kes berbanding hanya 849 kes dicatat pada tahun 2016. Kategori jenayah berat ini melibatkan remaja berumur 12 tahun hingga 17 tahun, dan ada di antara mereka terlibat dengan kes bunuh dan kes rogol. (PDRM, 2017).

Aktiviti Seksual melibatkan kalangan remaja berusia 13 tahun hingga 17 tahun di negara ini turut meningkat daripada 0.9% pada tahun 2013 kepada 8.3% pada tahun 2014. Statistik ini diperolehi daripada kaji selidik Global Kesihatan Pelajar Sekolah (GSHS) serta Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Negara (LPPKN) berkaitan kelakuan sumbang dilakukan remaja sebelum nikah bermula tahun 2004 hingga tahun 2014. Sementara itu, data direkod daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bermula 2005 hingga 2011 juga menunjukkan bahawa Malaysia telah menduduki tempat keempat daripada 10 negara berkaitan kehamilan remaja berusia 15 tahun hingga 19 tahun. (GSHS, 2014).

Statistik yang dilaporkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mencatatkan 81,000 anak luar nikah didaftarkan sehingga tahun 2013. Manakala kajian penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati 300 remaja Melayu berusia 13 tahun hingga 19 tahun terbabit dengan salah laku seksual dan seks bebas. Turut dinyatakan juga bahawa 85% daripada mereka yang melakukan perbuatan itu langsung tidak merasa bersalah, menyesal, malu atau takut, malahan mereka menyifatkan pengalaman berkenaan sebagai pengalaman hidup yang menyeronokkan kerana dapat mencapai kepuasan hidup bagi mereka. (JAKIM, 2013)

Melihat kepada data statistik di atas menampakkan kepada kita bahawa hubungan segelintir remaja kini dengan Allah SWT seakan menjadi semakin jauh. Kehidupan mereka sentiasa mencari keseronokan melampau, perasaan ingin hidup bebas, suka memberontak dan bertindak agresif terhadap ruang lingkup kehidupan mereka. Kehidupan mereka diwarnai dengan kegelapan, hiburan, keganasan, tekanan dan sebagainya. Natiujahnya, jiwa yang bercelaru dan kosong memudahkan mereka terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang tidak sihat yang merosakkan kehidupan mereka di dunia dan di akhirat. (Muhammad Abdullah, 2017).

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengakui bahawa pada tahun 2018 terdapat sebanyak 1,130 kes salah laku yang melibatkan murid-murid sekolah berumur 16 tahun – 18 tahun, 546 kes melibatkan murid-murid sekolah yang berumur 13 tahun – 15 tahun, 56 kes melibatkan murid-murid sekolah berumur 11 tahun – 12 tahun dan 27 kes melibatkan murid-murid sekolah yang berumur 7 tahun - 10 tahun. Kesemua ini adalah melibatkan kes jenayah berat seperti mencuri motokar, mencuri motosikal, mencuri kenderaan berat, ragut, bunuh, pecah

rumah, mencederakan mangsa, rogol, samun bersenjata api, dan samun tanpa bersenjata api. (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Jun 2018).

Laporan akhbar-akhbar tempatan harian juga sering memaparkan beberapa laporan yang berkaitan dengan masalah salah laku disiplin murid-murid di sekolah yang bersifat melampau seperti kes-kes yang berlaku di kalangan murid-murid di sekolah berasrama penuh seperti Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat di Johor dan Kolej Melayu Kuala Kangsar di Perak yang sekumpulan murid-muridnya terlibat dengan isu gangsterisme. Masalah gangsterisme sebegini sering menjadi isu yang hangat diperkatakan oleh media dan masyarakat, dan kes-kes ini juga menunjukkan penglibatan serius murid-murid Melayu yang beragama Islam yang sedang mengikuti kurikulum pembelajaran Akhlak dan Adab Islam (AAI) di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Justeru itu, timbul pelbagai persoalan dan rungutan yang disuarakan oleh ahli masyarakat terutama dari kalangan ibubapa berkaitan pelaksanaan matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah, terutamanya isu keberhasilan pelaksanaan sub bidang Pendidikan Akhlak dan Adab Islam (AAI) di dalam Kurikulum Pendidikan Islam yang diikuti oleh anak-anak mereka sejak di bangku sekolah rendah. (Muhammad Abdullah, 2017).

Persoalan demi persoalan yang sering dibangkitkan oleh pihak media dan masyarakat terutama ibubapa ialah mengapakah masih terdapat murid-murid yang belajar matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah terlibat dengan gejala negatif yang merosakkan?, Apakah Kurikulum Pendidikan Islam semasa (KBSM) yang telah disemak semula masih tidak cukup sempurna untuk memberi kesan yang baik kepada akhlak murid-murid?, Mengapakah Kurikulum Pendidikan Islam KBSM tidak digubal semula dan dimurnikan kandungannya oleh pihak KPM supaya sesuai

dengan keadaan dunia masa kini yang ketandusan ilmu jiwa serta rohani (ilmu tasawuf)?, Adakah guru-guru Pendidikan Islam tidak memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap kemenjadian anak-anak didik mereka dari segi amalan akhlak diri disebabkan oleh kesibukan guru-guru Pendidikan Islam untuk mencapai target kualiti cemerlang dan peratus lulus yang tinggi yang ditetapkan oleh pihak sekolah dalam setiap kali ujian, pentaksiran dan peperiksaan dijalankan?.

Persoalan-persoalan yang kerap timbul ini juga seringkali dikaitkan dengan faktor luaran terutama kecanggihan media letronik seperti komputer, internet dan pelbagai alat peranti (gadget) yang canggih dan moden di pasaran yang dianggap sebagai sumber utama mempengaruhi tingkahlaku remaja. Oleh kerana minat yang keterlaluan terhadap aplikasi gadget-gadget berkenaan menyebabkan ramai remaja hanyut dan menjadi leka di dalam keseronokan mereka melayani permainan-permainan (games) dari alatan-alatan tersebut. Contohnya permainan yang amat popular dan menjadi kegilaan para remaja kini iaitu *Mobile Legends* (ML) , *Clash of Clans* (COC) dan *Player Unknown Battleground* (PUBG) yang boleh dimainkan dengan menggunakan telefon pintar . Aksi watak-watak di dalam permainan *Mobile Legends* banyak mengandungi unsur-unsur nilai yang bercanggah dengan nilai dan budaya hidup Islam yang luhur. Impak dari permainan ini akhirnya telah menyebabkan remaja lupa kepada tanggungjawab diri sendiri terutama dalam konteks hubungan mereka dengan Allah SWT seperti melakukan ibadah solat. (Habib, 2008 dan Alizah Sha'ri, 2016).

Di Rusia, terdapat satu kes yang melibatkan seorang remaja lelaki bertindak membunuh seorang wanita semata-mata kerana mahu merasai sendiri pengalaman membunuh di dunia nyata kerana pengaruh daripada permainan video PUBG yang

ganas itu. Dalam kejadian tersebut, remaja yang berusia 15 tahun itu bertindak menikam mangsa yang berusia 21 tahun sebaik sahaja mangsa mengeluarkan wang daripada mesin pengeluaran wang automatik (ATM) di Moscow (Ahmad Farid, 2019).

Walaupun Falsafah Pendidikan Islam secara jelas menekankan bahawa matlamat yang ingin dicapai ialah kesejahteraan di dunia dan di akhirat serta untuk melahirkan insan yang bertaqwa dan berakhlak mulia, namun dari sudut realitinya matlamat yang ingin dicapai tersebut adalah amat sukar kerana cabaran yang bakal dihadapi amat hebat, khususnya dalam era globalisasi masa kini.(Alizah, 2016).

Globalisasi adalah merupakan suatu kemajuan hasil dari pemodenan dunia tanpa sempadan dan ledakan teknologi maklumat yang menyebabkan berlakunya satu proses transformasi berasaskan nilai kebendaan yang melanda seluruh dunia. Proses ini adalah satu proses sejagat yang harus dibincangkan secara mendalam dan sistematik oleh setiap individu yang berkenaan agar umat Islam dapat memahami dengan jelas apa yang sedang berlaku di dalam dunia tanpa sempadan dan kesannya kepada budaya hidup manusia. (Hussein, 2011).

Globalisasi adalah zaman moden serba canggih di mana maklumat mudah untuk dicapai hanya dengan menggunakan jari semata-mata. Kecanggihan teknologi ini perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya terutamanya oleh golongan remaja agar mereka tidak terjerumus ke jalan yang sesat. Dalam arus pemodenan kini, dunia Barat juga telah mula merasai kehilangan erti nilai kemanusiaan sejagat kerana perubahan budaya dan cara hidup kepada yang berbentuk individualistik, kehilangan nilai kasih sayang, dan gaya hidup manusia dilihat sentiasa mengejar kebendaan dan

melakukan penindasan di antara satu sama lain. Malahan dunia Barat kini mulai membincangkan isu remaja yang kehilangan nilai-nilai spiritual dan nilai-nilai keTuhanan. Pegangan agama semakin memudar dalam diri manusia, dan pola hidup masyarakat mereka juga semakin menjurus kepada memandang kehebatan sesuatu perkara dari sudut material ataupun kebendaan, ekonomi dan kewangan. Mereka sentiasa berlumba-lumba untuk mendapatkan kekayaan dan kesenangan hidup mengikut kehendak hawa nafsu tanpa memikirkan hak orang lain . Contohnya penipuan, penindasan dan keganasan. Nilai keinsanan mulai hilang kerana diketepikan mengikut arus pemodenan. Sekiranya budaya hidup sebegini mendasari nilai hidup masyarakat Islam, maka pastilah ianya menjadi satu keadaan yang amat membimbangkan.

Desakan hidup ke arah kebendaan pasti akan menyebabkan manusia semakin jauh dari Allah SWT dan nilai-nilai murni dalam Agama Islam. Oleh itu, peranan ilmu tasawuf amat penting untuk menyelamatkan kembali akhlak umat Islam agar tidak terus hanyut dalam pemodenan arus globalisasi kini. Intipati yang terkandung di dalam ajaran ilmu tasawuf adalah bertujuan untuk memperolehi hubungan langsung dengan Allah SWT sehinggakan hati seseorang itu dapat merasai kehadiran Allah SWT di dalam dirinya. Natijahnya, individu itu akan merasai sedikit demi sedikit rasa takut untuk melakukan kejahatan dan sentiasa berusaha untuk melakukan kebaikan. Keadaan ini akan dapat menyelamatkan manusia dari perangkap kehidupan dunia yang sentiasa mengejar kebebasan dan keseronokan semata-mata. Melalui ajaran tasawuf, individu itu akan dapat melatih dirinya secara berterusan melalui amalan-amalan diri yang berpandukan kepada maqamat-maqamat yang terkandung di dalam ajaran tasawuf. Secara tidak langsung individu tersebut akan beramal dengan amalan-amalan yang dilalui oleh para sufi agar mereka

memiliki ketajaman batin dan kehalusan budi pekerti yang mendorong kepada nilai sabar, ikhlas, ihsan, mahabbah, syukur, redha, *khauf*, tawakkal dan sebagainya.(Moenir Nahrawi, 2012).

Konsep tawakkal dalam ajaran tasawuf iaitu menyerahkan diri sepenuhnya kepada Pencipta iaitu Allah SWT dalam apa jua urusan hidup tanpa sebarang kompromi akan mendorong seseorang memiliki pegangan agama yang kukuh dan mantap, kerana ia meletakkan sepenuhnya pergantungan diri kepada Allah SWT. Kekecewaan hidup ataupun menolak takdir pasti tidak wujud di dalam diri seseorang yang beramal dengan ilmu tasawuf, kerana ia sentiasa redha dengan ketentuannya. Sikap materialistik ataupun hedonistik yang mendominasi kehidupan moden dapat dikikis melalui konsep zuhud dalam bertasawuf. (Subhan, 2015)

Secara umumnya globalisasi telah mewujudkan satu cabaran baru kepada umat Islam, khususnya di kalangan remaja Muslim di Malaysia. Proses ini amat membimbangkan kerana ia menjadikan dunia ini tanpa sempadan kerana pengaruh globalisasi akan mendatangkan kesan yang positif dan negatif. Justeru kehadiran ilmu tasawuf di era globalisasi akan dapat melatih manusia supaya mengikis sifat-sifat *mazmumah* dan menerapkan di dalam diri mereka dengan sifat-sifat *mahmudah* yang mempunyai hubungan baik dengan Allah SWT dan juga memelihara hubungan baik mereka dengan sesama manusia. (Murtadza, 2008).

Mohd Murtadza (2008) menjelaskan keperluan kepada ilmu tasawuf adalah merupakan tindakbalas kepada tabiat yang mementingkan kebendaan pada masa kini. Untuk memperbaikinya, individu perlu berusaha mengambil langkah menundukkan hawa nafsu dengan memperkuat amalan rohani. Menurut beliau